

06 OCT 1998

MUSTAPA-G22/I

TIADA YANG KONKRIT DARIPADA MESYUARAT KEWANGAN PERINGKAT TINGGI, KATA MUSTAPA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 6 Okt (Bernama) -- Lebih banyak bercakap tetapi sedikit tindakan dihasilkan daripada mesyuarat peringkat tinggi menteri-menteri kewangan daripada negara-negara kuat dan sedang muncul ketika pasaran dengan gementar berhadapan dengan prospek kemuraman kewangan global.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, yang menghadiri mesyuarat lima jam menteri-menteri kewangan Kumpulan 22 atau G-22 di sini Isnin berkata bahawa "suara-suara menjadi semakin lantang" untuk lebih ketelusan dan kawal seliaan ke atas dana-dana lindung nilai.

Beliau menambah kata dana-dana lindung nilai itu menggugat pengaliran modal di seluruh dunia, tetapi "tidak ada pelan tindakan yang konkrit" untuk menyelesaikan "masalah yang mendesak itu."

"Kita tidak melihat banyak pergerakan, belum ada sebab lagi untuk bersikap optimis," kata Mustapa yang berada di sini untuk julung-julung kalinya, sejak beliau dilantik sebagai menteri kewangan kedua, bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat tahunan Bank Dunia/Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan juga G-22. Mesyuarat tahunan tiga hari itu dibuka hari ini.

G-22, yang diwujudkan oleh Amerika Syarikat tahun lalu untuk menangani krisis, mengandungi anggota-anggota daripada kumpulan tujuh (G-7) negara-negara maju -- Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Itali, Perancis, Jepun dan Kanada -- dan negara-negara membangun termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, India, China, Afrika Selatan, Brazil, Argentina, Korea Selatan dan Russia.

Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus dan Presiden Bank Dunia James Wolfensohn, turut hadir.

Presiden Bill Clinton, yang mempengerusikan separuh pertama mesyuarat itu, berkata masyarakat sedunia patut "berbuat apa sahaja" untuk mencari jalan keluar daripada krisis itu.

Tambah beliau, adalah penting bagi menteri-menteri kewangan itu bukan sahaja melihat krisis terdekat tetapi melihat lebih jauh ke masa akan datang.

"Kita hendaklah memastikan bahawa senibina kewangan antarabangsa bersedia untuk cabaran membangunkan satu sistem yang akan mengurangkan dan menangani risiko pasaran global bagi membolehkan negara-negara memperolehi manfaat modal yang mengalir bebas secara yang selamat dan mapan," kata Clinton.

Mustapa berkata, sementara ide mengawal selia dana-dana lindung nilai pada permulaannya dianggap "gila" dan "bodoh" apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pertama kali menyarakannya pada mesyuarat Bank Dunia/IMF di Hong Kong, "sentimen telah berbuah" dan lebih banyak negara, terutamanya yang terjejas oleh krisis itu, termasuk Hong Kong dan Brazil, melaung untuk lebih ketelusan, pendedahan dan kawal seliaan ke atas dana-dana lindung nilai.

Sementara negara-negara G-7 kelihatan enggan mengandakan kawalan ke atas dana-dana lindung nilai, mereka sanggup menerokai kemungkinan menubuhkan sebuah jawatankuasa tetap untuk mengkaji cadangan itu.

Malahan George Soros daripada Soros Fund Management, pada seminar berasingan di sini semalam, akhirnya akur bahawa "sedikit sekatan ke atas pergerakan modal adalah bermanfaat untuk melindungi negara-negara daripada hentaman bola tukul" yang dibawa oleh pasaran-pasaran kewangan.

"Keseluruhan aliran bebas modal tidak baik," katanya, dan mengakui

bahawa semacam mekanisma diperlukan bagi pengawasan aliran modal yang lebih besar.

Sementara itu, Mustapa meramalkan satu "tahun yang sukar" di seluruh dunia tanpa pelan tindakan yang konkrit untuk mengatasi krisis kewangan di mana pelaburan langsung asing akan menjadi lebih kompetitif, dana-dana akan berkurangan dalam enam bulan akan datang dan tebaran kadar faedah akan meningkat. -- BERNAMA

SH DVS OS